



Semua Pegawai Daerah,
Semua Ketua Kampung,
Semua Pengerusi MPKK,
Semua Ketua Komuniti India,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2019**

**PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2011:
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN KETUA
KAMPUNG DAN PENERUSI MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI
KAMPUNG (MPKK) NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan ini dikeluarkan adalah untuk meminda dan memaklumkan kepada semua Pegawai Daerah, Ketua Kampung dan Pengerusi MPKK serta Ketua Komuniti India mengenai penjenamaan semula institusi Jawatankuasa Kemajuan

dan Keselamatan Kampung (JKKK) kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta jumlah peruntukan dan penggunaan peruntukan Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan Ketua Komuniti India di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk menjenamakan semula institusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).
- 2.2 Selaras dengan itu, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) peringkat Negeri Selangor telah diberi penjenamaan semula kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-29/2018 yang diadakan pada 19 September 2018 dan disahkan oleh MMKN ke-30/2018 pada 28 September 2018.
- 2.3 Negeri Selangor mempunyai seramai 371 orang Ketua Kampung Tradisi, 42 orang Pengerusi MPKK Kampung Baru, 19 orang Pengerusi MPKK Kampung Bagan dan 16 orang Pengerusi MPKK Kampung Tersusun. Di samping itu terdapat seramai 48 orang Ketua Komuniti India di Negeri Selangor.
- 2.4 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-19/2018 bertarikh 4 Julai 2018 memutuskan bahawa setiap Ketua

Kampung, Pengerusi MPKK dan Ketua Komuniti diperuntukkan sejumlah RM20,000.00 setahun bagi melaksanakan aktiviti atau program di kampung masing-masing.

3. SUMBER KEWANGAN

Akaun ini hendaklah dikreditkan dengan peruntukan secara Pemberian Langsung (*Outright Grant*) daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) di bawah Vot P01/P.K1/10010- Perkhidmatan Masyarakat.

4. PERLUASAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN

4.1 Jumlah perbelanjaan adalah tidak melebihi RM5,000.00 bagi setiap program dan peruntukan ini tidak boleh sama sekali digunakan untuk menjalankan projek-projek kecil pembangunan.

4.2 Penggunaan peruntukan ini adalah dikhaskan bagi menampung perbelanjaan pengurusan yang melibatkan penganjuran aktiviti-aktiviti kampung, program-program mesra rakyat dan sambutan perayaan keagamaan.

5. KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2011 Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa dan Keselamatan

Kampung (JKKK) Negeri Selangor serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“ SELANGOR MAJU BERSAMA ”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' NOR AZMIE DIRON) D.P.M.S
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh: 20 Disember 2019

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)